

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96.

Oktober/November 1995

CTK501 - Sistem Pengoperasian UNIX

Masa: [2 jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

- Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** soalan di dalam **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
 - Jawab **SEMUA** soalan dalam Bahasa Malaysia.
-

1. (a) Jelaskan persamaan dan perbezaan di antara fail dan panduan.
- (b) Apakah nama laluan? Berikan contoh.
- (c) Jelaskan dua makna bagi aksara " / " di dalam struktur fail UNIX.
- (d) Jelaskan makna bagi " . " dan " .. " di dalam hubungannya dengan nama laluan.
- (e) Apakah panduan rumah? Berikan contoh.
- (f) Jelaskan mengenai konsep nama laluan relatif dan nama laluan mutlak. Sertakan contoh-contoh untuk penjelasan anda.
- (g) Bagaimanakah caranya untuk melihat 13 baris daripada baris 48 sehingga 60 daripada sebuah fail?
- (h) Bagaimanakah caranya untuk menyingkirkan panduan yang tidak kosong dengan perintah *rmdir* ?
- (i) Jelaskan mengenai konsep pemilik, kumpulan dan pengguna-pengguna lain di dalam konteks sistem fail UNIX.
- (j) Apakah kesan ke atas fail *cuba* apabila perintah berikut diberikan:

```
$ chmod 750 cuba
```

[20/100]

2. Di dalam fail *.login* terdapat baris-baris perintah seperti berikut:

```
1 #Fail .login
2 stty crt
3 stty erase '^H'
4 stty werase '^?'
5 If ('ty' !=/dev/console) exit
6     echo-n "sunview? (^C to interrupt)"
7     sleep 5
8     sunview
```

- (a) Apakah kegunaan fail *.login* ?
- (b) Terangkan maksud perintah pada setiap baris.

[15/100]

3. Berikut ialah kandungan sebuah skrip cangkerang yang bernama ABC:

```
#Penulis: Mastura
if [# -eq 0]
then
echo "Taipkan nama fail
beserta dengan perintah ABC"
else
for f in $
do
if test -d $f
then echo "$f panduan"
else
echo " _____ "
cp $f $HOME/backup/$f
echo " _____ "
echo
fi
done
fi
```

- (a) Jelaskan apa yang dilakukan oleh skrip cangkerang ini?
- (b) Bagaimana hendak melaksanakan skrip ini? Berikan contoh output yang didapati apabila skrip ini dilaksanakan.

[15/100]

4. Katakan fail umur mempunyai data seperti berikut:

```
Mary Lim 33
Lata Narayanan 45
Karim Syam 3
Karim Syam 3
Anas Bakar 50
```

Apakah yang terhasil apabila perintah-perintah berikut diberikan?

- (a) \$sort +1 -r -u umur
- (b) \$tr a-z A-Z < umur
- (c) \$grep -v "Lata Narayanan" umur
- (d) \$wc umur
- (e) \$cut -c1 -12 < umur

[20/100]

5. Katakan terdapat sebuah fail bernama pelajar mempunyai medan-medan nombor matrik, umur, kursus dan tarikh lahir.

Tuliskan sebuah skrip cangkerang yang dapat melakukan kesemua perkara-perkara berikut:

- Paparkan senarai pelajar yang nombor matrik mereka lebih besar daripada 20000 dan umur lebih daripada 25 tahun.
- Paparkan purata umur pelajar-pelajar yang terdapat di dalam fail.
- Paparkan senarai nombor matrik dan kursus bagi pelajar yang berumur lebih daripada 20 tahun.

[30/100]